

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat  
bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**KEUPAYAAN GURU-GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH BESTARI  
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR MENGGUNAKAN  
INTERNET UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Oleh:

MOHD. ZAKI BIN AWANG MAT

2001

Penyelia : Prof. Dr. Kamariah bt. Abu Bakar  
Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keupayaan guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menggunakan Internet untuk pengajaran dan pembelajaran. Tahap keupayaan guru-guru berkenaan dinilai berdasarkan keupayaan mereka menggunakan 7 kemudahan Internet, mengajar 10 jenis pelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan menggunakan 7 kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan Internet. Selain itu, masalah-masalah yang menjejaskan keupayaan mereka menggunakan Internet turut dikaji. Sampel kajian terdiri daripada 46 orang guru Bahasa Melayu Sekolah-Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian ini.

Berdasarkan skala 1 – 4, yang mana 4 ialah tahap keupayaan guru yang Cemerlang dan 1 Sangat Lemah, dapatan kajian menunjukkan tiada satu pun kemudahan Internet yang berada pada tahap keupayaan yang Cemerlang dan Sederhana. Keupayaan guru dalam empat kemudahan Internet hanya menunjukkan



tahap Lemah, iaitu WWW (skor min 2.7), Enjin Pencari Maklumat (2.7), E-mel (2.4) dan Ruang Perbincangan Kumpulan Berita (skor min 2.2) manakala tiga kemudahan Internet lagi pada tahap Sangat Lemah, iaitu dengan skor min hanya 1.8. Tiga kemudahan itu ialah *Telnet* dan *Gophers*, Komunikasi Interaktif Masa Sebenar dan Membina Laman Web. Skor min keseluruhan bagi keupayaan menggunakan kemudahan Internet ialah 2.2.

Keupayaan guru-guru berkenaan juga pada tahap Sangat Lemah apabila dilihat daripada kadar kekerapan menggunakan Internet untuk mengajar 10 jenis pelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang dikaji kecuali pelajaran Karangan dan pelajaran Tatabahasa (Membina ayat). Skor min untuk keseluruhan 10 jenis pelajaran itu hanya 1.8.

Kajian terhadap keupayaan guru menggunakan Internet untuk 7 kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mendapati mereka berada di tahap Sangat Lemah, iaitu skor min 1.9 sahaja. Walaupun begitu, kaedah yang menjadikan Internet sebagai Sumber Rujukan (skor min 2.3), Pengayaan (skor min 2.1) dan Latih Tubi (skor min 2.0) menunjukkan tahap kekerapan yang lebih baik berbanding Pengujian, Tutorial, Simulasi dan Kaedah Penyelesaian Masalah.

Kajian turut mendapati guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terdedah kepada pelbagai masalah yang berpunca daripada diri sendiri, pelajar dan masalah teknikal. Semua masalah itu didapati telah menjejaskan keupayaan mereka menggunakan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Dengan itu, kajian ini merumuskan bahawa tahap keupayaan guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menggunakan Internet untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap Lemah. Mereka memerlukan kursus pemerolehan kemahiran yang intensif dan komprehensif untuk mempertingkatkan keupayaan menggunakan Internet secara lebih berkesan dan menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.